

3 MAR 1996

Mahathir-nilai

KINI MASANYA UNTUK MENYEMAK SEMULA NILAI DAN SISTEM KERAJAAN: PM

Oleh: K.C.Leong

BANGKOK, 3 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau percaya masanya sudah tiba untuk masyarakat dunia menyemak kembali sistem pemerintahan negara mereka di samping nilai-nilai dan moral masing-masing.

Beliau berkata ini ialah kerana dunia telah menyaksikan keruntuhan sistem-sistem pemerintahan di merata-rata tempat, sesuatu yang tidak memberikan faedah kepada rakyat, kata Perdana Menteri pada satu forum untuk para pemimpin sektor perniagaan di sini.

Beliau membuat ulasan berkenaan pada satu dialog soal jawab yang dihadiri sebahagian besarnya oleh para peserta dari Asia yang memberikan sambutan hangat terhadap ucapan beliau sebelum itu, menggambarkan keyakinan dan kebangkitan rantau Asia Timur seperti yang terkandung di dalam ucapannya.

Dr Mahathir berkata beliau percaya dan berharap agar satu ketika nanti, pandangan Asia akan dinilai semula oleh pihak Barat dan diterima jika nilai-nilai berkenaan didapati adil dan saksama.

Mengenai demokrasi, beliau menegaskan bahawa ia mempunyai had sungguhpun beliau mempercayainya tanpa berbelah bagi kerana sejarah telah membuktikan bahawa demokrasi adalah bentuk kerajaan yang terbaik dan sistem pemerintahan yang paling baik untuk sesebuah negara.

Dr Mahathir menarik perhatian bahawa Barat sebelum ini tidak mempunyai pegangan agama dan masyarakat Timurlah yang bertanggungjawab membawa agama Kristian, Yahudi dan Islam kepada mereka.

Beliau menambah kata bahawa agama-gama berkenaan diterima sepenuhnya oleh mereka dan Kristian telah diterima dengan sebegitu rupa sehinggakan "ianya menakutkan kita, jika anda masih ingat kepada peristiwa "Inquisition" di mana pada satu ketika dahulu mereka tidak begitu bertolak ansur terhadap golongan yang tidak mempunyai kepercayaan yang sama dengan mereka."

"Tetapi saya percaya bahawa masyarakat di seluruh dunia akan sentiasa mengkaji pencapaian mereka dan jika sesuatu masyarakat itu merasakan pencapaian mereka tidak memuaskan, mereka akan mencari ilham dan nilai-nilai baru bagi mengatasi masalah yang dihadapi mereka," kata beliau lagi.

Dr Mahathir berkata masyarakat Eropah dengan etika Judeo-Kristiannya telah mewujudkan Amerika yang sangat berjaya sehinggalah munculnya ideologi-ideologi baru.

Mengenai sama ada ideologi-ideologi Barat yang gagal akan digantikan dengan nilai-nilai Asia, Perdana Menteri berkata: "Kita tidak berupaya mewujudkan satu masyarakat yang sempurna. Kita boleh berusaha ke arah itu, tetapi penyelewengan akan sentiasa ada dan ia boleh digunakan untuk mengukur pencapaian sesuatu masyarakat.

"Seperti juga kita ingin menyifatkan peristiwa "Inquisition" sebagai satu penyimpangan dan ia tidak menggambarkan etika Kristian yang sebenarnya, anda juga boleh menyifatkan apa yang digelar Fundamentalisme Islam sebagai penyimpangan dan bukannya intepretasi Islam yang sebenar."

Dr Mahathir, yang terkenal dengan gayanya yang tegas serta tidak suka berselindung, membuatkan para peserta ketawa apabila beliau menambah kata: "Saya seorang Islam dan saya tidak menghentam orang lain kecuali dengan mulut saya."

Beliau berkata satu ketika nanti, beliau percaya Barat akan belajar

untuk menerima nilai-nilai Asia dan masyarakat Asia akan belajar untuk menerima nilai-nilai Barat yang baik.

Mengenai had demokrasi, Dr Mahathir berkata intepretasi terhadap demokrasi telah berubah dengan masa dan kini terdapat kecenderungan untuk mencapai lebih kebebasan sehinggakan demokrasi tidak lagi wujud sebaliknya diambil alih oleh anarki. "Ia mungkin demokrasi tetapi ia juga boleh digelar sebagai anarki."

"Seperti benda-benda lain, demokrasi sepenuhnya tidak wujud. Saya percaya bahawa kerajaan mesti disahkan menerusi sokongan rakyat dan sokongan itu mestilah menerusi peti undi," kata beliau.

Beliau berkata pilihan raya mestilah bebas tetapi kebebasan tidak bermakna seseorang itu boleh menghentam atau menembak penentangannya manakala rakyat yang mengundi mestilah memahami erti demokrasi.

Terdapat sesetengah pihak yang percaya bahawa golongan minoriti mempunyai hak tetapi menurut Dr Mahathir hak sedemikian mestilah tidak menafikan hak-hak golongan majoriti sungguhpun selalunya golongan minoriti diberikan hak yang keterlaluan sehingga menafikan hak-hak golongan majoriti.

"Kita bersetuju bahawa golongan majoriti tidak seharusnya menindas golongan minoriti tetapi pada masa yang sama golongan minoriti juga tidak boleh menekan pihak majoriti. Inilah yang perlu difahami sebelum demokrasi boleh berjaya," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada kemakmuran Asia yang semakin meningkat akan mengancam pegangan kepada nilai-nilainya sehingga menyebabkan ia menerima nasib yang serupa dengan Barat, beliau berkata kemungkinan itu memang wujud kerana apabila pertalian kekeluargaan mula runtuh, penghijrahan ke kawasan bandar, mula menikmati lebih kebebasan, nilai-nilai mereka akan mula berubah.

"Inilah yang perlu diberikan perhatian, itulah sebabnya Malaysia, apabila kami mengatakan bahawa di bawah Wawasan 2020, kami mahu mencapai status negara maju, ia bukan hanya memberikan tumpuan kepada kemewahan material, tetapi kami juga mahu mengekalkan nilai-nilai moral kami dan ini perlu dilakukan dengan teliti." -- BERNAMA

LKC MZ MAI